

## KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA

TARIKH ..... 5 ..... BULAN ..... MAC ..... TAHUN ..... 2024 .....

# um 5/3/24 m/s 33 Muntah paus tulen mustahil ditemukan



**MAHAMUD Kechik menunjukkan objek yang didakwa muntah ikan paus yang dijumpainya di Pantai Kelulut, Marang, Terengganu, baru-baru ini.**

**KUALA TERENGGANU:** Muntah paus tulen atau ambergris mustahil ditemukan di perairan Malaysia khususnya di Pantai Timur kerana ia mempunyai purata kedalaman yang cetek.

Pengarah Pusat Perkhidmatan Penyelidikan dan Lapangan (PPPL) Universiti Malaysia Terengganu, Prof. Madya Dr. Hasrizal Shaari berkata, proses pembentukan ambergris berlaku secara tidak sengaja disebabkan sistem pencernaan ikan paus sperma apabila memakan sotong-sotong.

Katanya, sotong yang dimakan pula adalah daripada sotong gergasi di laut dalam dan berdasarkan faktor itu, spesies ikan paus sperma turut dikenali sebagai *deep diver*.

“Jadi saya boleh katakan adalah mustahil atau peluang sangat tipis untuk kita jumpa ambergris di perairan Pentas Sunda kerana purata

kedalamannya kurang daripada 100 meter.

“Lemak atau minyak yang terapung di permukaan laut daripada sumber-sumber tertentu juga mampu membentuk objek seakan-akan ambergris disebabkan tindak balas cahaya matahari dan air laut,” katanya ketika semalam.

Baru-baru ini, seorang penduduk, Mahamud Kechik, 60, mendakwa menemukan objek dipercayai muntah paus seberat lapan kilogram di Pantai Kelulut, Marang.

Berikutan penemuan itu, Mahamud mendakwa menerima tawaran lumayan daripada beberapa individu yang datang ke rumahnya di Kampung Rhu Muda untuk membeli objek yang dipercayai menyerupai muntah paus untuk dijadikan ramuan dalam perubatan tradisional Cina.